

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HMT 202 Fonetik dan Fonologi Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM [6] soalan dalam TIGA [3] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan. SOALAN NO. 1 DIWAJIBKAN dan TIGA [3] soalan yang lain.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Telitikan data di bawah.

	<u>Kata Kerja</u>	<u>Bentuk Nominatif</u>
a. / ratap /	[ rata? ]	[ rata?pɛ ]
b. / ikat /	[ ika? ]	[ ika?tɛ ]
c. / masak /	[ māsū? ]	[ māsū?kɛ ]
d. / tulis /	[ tulɪh ]	[ tulɪhsɛ ]
e. / bungkus /	[ bukuh ]	[ bukuhsɛ ]
f. / makan /	[ mākɛ ]	[ mākanɛ ]

i. Tuliskan rumus fonologi yang boleh menerangkan dan menerbitkan bentuk kata kerja dan bentuk nominatif dari bentuk dasar pada kata-kata di atas. Nyatakan sama ada rumus-rumus itu perlu diaturkan dan berikan sebab.

ii. Telitikan data tambahan di bawah.

g. / bas /	[ bah ]
h. / pas /	[ pah ]
i. / bah /	[ buh ]

Perlu atau tidak ditambahkan rumus fonologi untuk menerangkan bentuk fonetik (g) hingga (i)? Tunjukkan penerbitan untuk semua perkataan iaitu (a) hingga (i).

2. Terangkan bagaimana anda dapat menentukan bahawa sesuatu segmen bunyi bahasa itu fonem dan bukan alofon dan sebaliknya. Jawapan anda mesti disertai dengan contoh-contoh yang sesuai.
3. Huraikan masalah mencari representasi bentuk dalaman semasa membuat analisis fonologi. Apakah yang dimaksudkan bahawa sesuatu analisis dan pembentukan rumus fonologi mesti mengikut prinsip kebolehan ramalan (predictability), prinsip beralamiah (naturalness) dan prinsip ekonomi dan kesederhanaan (simplicity)?
4. (a) Terangkan bagaimana segmen bunyi di bawah dapat dihasilkan. Jawapan anda mesti disertai dengan gambar rajah yang sesuai.

[ y ]      [ ɳ ]      [ s ]

- (b) Penuhkan ruang di bawah dengan nilai dua rangkap oposisi + atau - yang sesuai dan kemudian jika anda dapat fitur yang anda anggap lebihan atau redundan, bulatkan fitur itu dan nyatakan kenapa fitur itu redundan.

i   e   a   o   u

Tinggi  
Rendah  
Belakang  
Bundar

5. Fitur-fitur distingtif (ciri-ciri pembeza) yang sesuai dapat memenuhi tiga fungsi dengan secara "ideal".
  - (a) Fitur-fitur itu boleh memerikan fonetik yang sistematis - satu fungsi fonetik;
  - (b) Pada peringkat yang lebih mujarad, fitur-fitur itu dapat membezakan kata-kata-satu fungsi fonemik;
  - (c) Fitur-fitur itu dapat mendefinisikan golongan-golongan bunyi yang bersifat alamiah, iaitu bunyi-bunyi sebagai satu golongan yang mengalami proses-proses fonologi yang sama.

Bincangkan apa yang dimaksudkan dengan pernyataan di atas.

6. (a) Transkripsikan ayat-ayat di bawah ke dalam bentuk fonetik (bahasa baku atau pun tidak baku).
- i. Penawaran biasiswa bagi mahasiswa untuk tahun ini belum lagi diumumkan, dan ini adalah kerana peruntukan wang bagi tahun ini masih belum lagi diketahui. Para pelajar diminta bersabar.
  - ii. Pelancong-pelancong tidak dapat bermain bola di padang yang berhampiran dengan pokok nyiur itu. Mereka harus dijemput bermain badminton di dalam dewan yang tidak berapa jauh dari sungai itu.
  - iii. Pertunjukan silat gayong itu amat menarik. Pemuda pemudi negara kita digalakkan mempelajari seni pertahanan diri ini. Sebagai galakan mungkin akan diberikan diploma untuk graduan silat.
- (b) Dalam ejaan Jawi, sarjana bahasa Melayu membezakan segmen bunyi [ k ] di awal dan tengah kata berbandingkan dengan segmen tersebut pada akhir kata. Apakah huruf Jawi yang digunakan itu?
- (c) Apakah yang dimaksudkan dengan penyelarasian vokal di dalam sistem ejaan Rumi baru?

-ooo000ooo-